

REALISASI IJTIHAD PADA ZAMAN KHULAFAT RASYIDIN

Oleh:
Mohd Saiba b. Yaacob ¹

Abstrak

Artikel ini menjelaskan bahawa ijtihad yang direalisasikan oleh fuqahā' sahabat r.h. pada zaman Khulafat Rasyidin bukan sahaja merangkumi hukum-hukum mu'āmalāt, munakahāt, jināyat dan siyāsah shar'iyah tetapi juga turut melibatkan beberapa cabang ibadat. Realisasi ijtihad itu sendiri telah dilakukan dengan merujuk kepada fakta-fakta hukum yang sedia terkandung dalam sesuatu nas syarak dan juga dengan menggunakan kaedah qiyās serta dengan mengambil kira prinsip umum shari'ah. Artikel ini turut membuktikan bahawa ijtihad yang dilakukan secara kolektif adalah lebih terjamin ketepatannya dan lebih mudah untuk mencapai kesepakatan berbanding ijtihad yang dilakukan secara individu. Ia sekali gus membuktikan bahawa syariat Islam adalah bersifat komprehensif dan perlu dijadikan sebagai panduan dalam seluruh aspek kehidupan pada setiap tempat dan zaman selaras dengan konsep maqāsid al-shari'ah yang bertujuan untuk memelihara kemaslahatan agama, jiwa, akal, keturunan dan harta-benda yang menjadi asas kesejahteraan hidup manusia di dunia dan di akhirat.

Kata Kunci: *Ijtihad, Para Sahabat r.h., Nas Syarak, Qiyās, Prinsip-prinsip Syariah*

PENDAHULUAN

Selepas kewafatan Rasulullah S.A.W, para sahabat r.h. telah menghadapi pelbagai isu politik dan permasalahan hukum yang mempunyai beberapa aspek perbezaan berbanding apa yang mereka pernah mengalaminya pada zaman Rasulullah S.A.W.

¹ Mohd Saiba b. Yaacob, Ketua Jabatan Al-Dakwah wa Al-Qiadah, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Nilam Puri, Kelantan.

Antara faktor penting yang menyebabkan perkara tersebut berlaku ialah kerana perubahan realiti kehidupan terutamanya setelah kemunculan beberapa orang nabi palsu, berlakunya kemurtadan sebilangan masyarakat yang baru memeluk Islam dan kewujudan sekelompok masyarakat Islam yang enggan membayar zakat kepada khalifah Abu Bakar r.h. (13 H). Pada zaman pemerintahan khalifah Umar r.h. (23 H) pula, tentera Islam berjaya menguasai empayar Rom dan Parsi yang mempunyai tamadun dan realiti hidup yang berbeza dengan apa yang berlaku di Semenanjung Tanah Arab. Ini sekali gus mengubah landskap politik, kebudayaan dan hubungan antarabangsa Islam yang perlu diambil kira dalam proses ijtihad dan pembinaan hukum Islam.

Sehubungan itu, apabila menghadapi sesuatu permasalahan hukum, *fuqahā'* sahabat r.h. terpaksa berijtihad dalam mengenal pasti hukum-hukum yang sesuai dengan keadaan semasa dan setempat berasaskan sesuatu fakta hukum yang tersirat dalam al-Quran dan al-Sunnah serta prinsip-prinsip umum dan objektif syariah.

KELAYAKAN PARA SAHABAT R.H. UNTUK BERIJTIHAD

Berhubung prasyarat dan keahlian untuk berijtihad, *fuqahā'* sahabat r.h. memiliki kemampuan berijtihad yang tidak boleh diragui. Ini kerana al-Quran yang menjadi sumber hukum Islam yang paling asasi telah diturunkan dalam bahasa Arab yang mana mereka mengetahui berkenaan selok belok bahasa Arab secara mendalam.

Para sahabat r.h. juga telah bergaul rapat dengan Rasulullah S.A.W dalam pelbagai peristiwa dan suasana yang secara langsung menjadikan mereka mengetahui tentang sempena, masa dan kepada siapa sesuatu ayat al-Quran diturunkan. Secara langsung, mereka mempunyai pengetahuan berkenaan sebab *nuzūl* (penurunan) sesuatu ayat al-Quran, sebab *wurūd* (periwayatan) sesuatu hadis dan juga berkaitan persoalan *nāsikh* dan *mansūkh*. Bahkan mereka sudah pun terlatih dalam memenuhi tuntutan ijtihad sejak zaman Rasulullah S.A.W lagi dengan menggunakan pelbagai kaedah ijtihad seperti *qiyās*, *maṣlaḥah* dan *sadd al-zarā'i*.² Justeru, walaupun kaedah-kaedah ijtihad tidak wujud secara bertulis pada zaman sahabat, namun mereka

² Mohd Saiba b. Yaacob (2014), Ijtihad Para Sahabat r.a. Pada Zaman Rasulullah S.A.W, *Jurnal KIAS IX*, h. 69-102.

telah berjaya merealisasikan tuntutan ijtihad dengan cara yang penuh sistematik.

Sungguh pun begitu, tidak semua sahabat mempunyai kemampuan berijtihad dan memberi fatwa. Menurut Imam Ibn Hazm (456 H)³ yang kemudiannya telah diperakui oleh Imam Ibn al-Qayyim (751 H),⁴ terdapat lebih kurang 130 orang sahabat sahaja yang diriwayatkan mempunyai keupayaan untuk berijtihad. Bilangan yang seramai itu dibahagikan pula kepada tiga golongan iaitu *al-mukthirūn min al-futyā* (yang banyak berfatwa), *al-mutawassitūn* (yang sederhana) dan *al-muqillūn* (yang sedikit).

Golongan *al-mukthirūn* hanya terdiri daripada tujuh orang *fuqahā'* sahaja iaitu sayidina Umar (23 H), Ibn Mas'ud (32 H), Ali (40 H), Zayd b. Thabit (45 H), Aisyah (58 H), Ibn Abbas (68 H) dan Ibn Umar (73 H) r.h.⁵ Fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh tujuh orang *fuqahā'* sahabat ini adalah sangat banyak sehinggakan Ibn Hazm (456 H) menegaskan bahawa fatwa setiap orang antara mereka boleh dikumpulkan menjadi kitab-kitab yang tebal. Ibn Hazm seterusnya menyatakan bahawa seorang ulama dalam bidang *fiqh* dan hadis yang bernama Muhammad b. Mūsa b. Ya'qūb b. Amīr al-Mu'minīn al-Ma'mūn telah menghimpunkan fatwa-fatwa Ibn Abbās r.h. sahaja dalam 20 buah kitab.⁶

Manakala golongan *al-mutawassitūn* pula terdiri daripada 13 orang iaitu sayidina Abū Bakr al-Ṣiddīq, Umm Salamah, Anas b. Mālik, Abū Sa'īd al-Khudrī, Abū Hurayrah, 'Uthmān b. 'Affān, 'Abd Allah b. 'Amr b. al-'Aṣ, 'Abd Allah b. al-Zubayr, Abū Mūsā al-Ash'arī, Saad b. Abī Waqqās, Salmān al-Fārisī, Jabir b. 'Abd Allah, Mu'āz b. Jabal, Ṭalhah b. 'Ubayd Allah, al-Zubayr b. al-'Awwām, 'Abd al-Rahmān b. 'Awf, 'Imrān b. Huṣayn, Abū Bakrah, 'Ubādah b. al-Ṣāmit dan Mu'āwiyah b. Abī Sufyān r.h. Para sahabat yang lain adalah tergolong dalam kalangan *al-muqillūn min al-futya*.⁷

³ Ibn Hazm (1985), *al-Nubzah al-Kafīyah fī Ahkām Uṣūl al-Dīn*, Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 23.

⁴ Ibn al-Qayyim (1993), *I'lām al-Muwaqqi'īn 'an Rabb al-'Ālamīn*, j. 1, al-Qāhirah: Dār al-Ḥadīth, h. 21.

⁵ Ibn Ḥazm (1985), *op. cit.* dan Ibn al-Qayyim (1993), *ibid.*

⁶ *Ibid.*

⁷ Ibn Ḥazm (1985), *op. cit.*

Di bawah ini ialah penjelasan lanjut berkaitan sebahagian kecil daripada hukum-hukum yang telah diijtihadkan oleh *fuqahā'* sahabat pada zaman Khulafa' Rasyidin.

CONTOH IJTIHAD PADA ZAMAN KHULAFĀ' RASYIDIN

Ijtihad *fuqahā'* sahabat r.h. boleh dibahagikan kepada tiga kategori iaitu ijtihad berasaskan nas-nas syarak yang terperinci (*nuṣuṣ tafṣīliyyah*), ijtihad berasaskan kaedah *qiyās* dan ijtihad berasaskan *maṣlaḥah* sebagai prinsip umum syariah yang terpenting. Huraian berhubung tiga kategori ijtihad ini adalah sebagaimana berikut:

1. Ijtihad Berpandukan Nas-nas Hukum Yang Terperinci

Untuk berijtihad dalam penentuan hukum berhubung masalah ibadat, *mu'āmalāt*, *munākahāt* dan hukum-hukum jenayah, *fuqahā'* sahabat r.h. pada mulanya akan merujuk kepada sesuatu fakta yang terkandung dalam al-Quran dan al-Sunnah. Antara permasalahan hukum yang telah diijtihadkan menurut prinsip ini ialah:

a. Mengerjakan Solat Tarawih Secara Berjemaah Sepanjang Bulan Ramadan

Allah S.W.T telah menfardukan ibadat puasa pada bulan Ramadan pada tahun kedua *hijriyyah*. Sehubungan itu, Imam al-Bukharī meriwayatkan bahawa Rasulullah S.A.W telah keluar ke masjid pada malam pertama bulan Ramadan lalu mengerjakan solat (qiamullail secara bersendirian). Padahal pada kebiasaannya baginda mengerjakan qiamullail di rumah sendiri. Melihat tindakan Rasulullah S.A.W yang di luar dugaan itu, beberapa orang sahabat yang berada di dalam Masjid Nabawi telah mengambil peluang untuk mengerjakan qiamullail secara berjemaah bersama baginda dan tindakan mereka itu telah mendapat perakuan daripada baginda. Pada keesokan hari, berita tersebut telah disebarkan kepada para sahabat yang lain. Bilangan para sahabat yang mengerjakan qiamullail secara berjemaah bersama baginda menjadi semakin ramai pada malam kedua dan malam ketiga.

Pada malam keempatnya, bilangan para sahabat yang pergi bersolat di masjid sambil menunggu baginda keluar untuk

mengerjakan qiamullail secara berjemaah telah bertambah dengan begitu ramai sekali sehinggakan masjid menjadi penuh sesak. Namun, pada malam tersebut baginda tidak keluar lagi ke masjid dan sengaja mengerjakan qiamullail secara bersendirian di rumah sendiri. Baginda tidak keluar ke masjid kecuali setelah azan Subuh dikumandangkan. Sesudah mengerjakan solat fardu Subuh, baginda menghadapkan mukanya kepada para sahabat r.h. lalu mengucapkan dua kalimah syahadah dan bersabda:⁸

أَمَّا بَعْدُ، فَإِنَّهُ لَمْ يَخَفْ عَلَيَّ شَأْنَكُمْ اللَّيْلَةَ، وَلَكِنِّي خَشِيتُ أَنْ تُفْرَضَ عَلَيْكُمْ صَلَاةُ اللَّيْلِ، فَتَعْجِزُوا عَنْهَا.

Amma Ba'd, sesungguhnya saya bukanlah tidak mengetahui tentang keadaan kamu malam tadi (yang berkumpul beramai-ramai mengharapakan baginda keluar ke masjid untuk mengerjakan solat tarawih secara berjemaah), tetapi saya (sengaja tidak keluar kerana) bimbang sekiranya solat tarawih (disepanjang bulan Ramadan) akan difardukan ke atas kamu nanti, yang menyebabkan kamu akan berasa lemah (tidak mampu) untuk mengerjakannya.

Hadis di atas menjelaskan bahawa Rasulullah S.A.W hanya mengerjakan ibadat qiamullail secara berjemaah pada awal bulan Ramadan selama tiga malam sahaja. Apabila menyedari bahawa amalan tersebut telah mendapat sambutan yang sangat meluas daripada para sahabat pada malam yang keempat, baginda telah mengambil keputusan untuk mengerjakannya secara bersendirian di rumah baginda sendiri kerana bimbang kalau-kalau amalan itu nanti akan difardukan oleh Allah S.W.T apabila ia dikerjakan secara berterusan.

Berikutan daripada penjelasan tersebut, Rasulullah S.A.W dan para sahabat r.h telah melipat gandakan ibadat qiamullail pada setiap bulan Ramadan secara bersendirian disepanjang hayat Rasulullah S.A.W. Begitu juga disepanjang

⁸ Muḥammad b. Ismā'īl al-Bukhārī (1999), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, no. h. 924, Riyāḍ: Dār al-Salām, Muslim b. al-Hajjāj al-Naysābūrī (2005), *Ṣaḥīḥ Muslim*, no. h. 1781, Bayrūt: Dār al-Ma'rifah dan Aḥmad b. Shu'ayb b. 'Alī al-Nasā'ī (2002), *Sunan al-Nasa'i*, no. h. 2192, Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.

zaman pemerintahan khalifah Abu Bakar al-Ṣiddīq r.h. dan pada tahun pertama pemerintahan khalifah Umar r.h.. Namun, pada suatu malam pada bulan Ramadan pada tahun berikutnya, khalifah Umar r.h. telah keluar untuk melihat hal keadaan umat Islam dan mendapati kebanyakan mereka mengerjakan ibadat qiamullail secara bersendirian. Dalam masa yang sama, ada juga para sahabat yang mengerjakan solat tarawih secara berjemaah dalam beberapa kumpulan yang kecil.⁹

Sehubungan ini, timbul di dalam fikiran khalifah Umar r.h. untuk memilih seorang imam supaya ibadat qiamullail dapat dikerjakan secara berjemaah dalam satu kumpulan yang besar disepanjang bulan Ramadan. Setelah membuat penyelidikan hukum berkenaan persoalan tersebut, beliau akhirnya telah berijtihad lalu memilih Ubay b. Ka'ab r.h. (30 H) sebagai imam.¹⁰ Sebagai tanda berpuas hati dengan wujudnya persepakatan para sahabat dalam memperakui dan merealisasikan ijtihad berkenaan, khalifah Umar r.h. berkata: ¹¹

نِعْمَتِ الْبِدْعَةُ هَذِهِ

Inilah sebaik-baik perbuatan bidaah

Mengulas kes di atas, Syeikh Mannā' Qaṭṭān menjelaskan bahawa khalifah Umar r.h. sebenarnya berpendapat bahawa berhimpun beramai-ramai untuk mengerjakan solat tarawih adalah disyariatkan dalam Islam iaitu berasaskan kepada *taqrīr* (pengiktirafan yang diberikan oleh) Rasulullah S.A.W kepada para sahabat yang bersolat bersama-sama dengan baginda selama tiga malam. Apa yang menyebabkan baginda tidak menyukai amalan tersebut dikerjakan secara berterusan ialah kerana baginda bimbang sekiranya amalan tersebut dikerjakan secara berterusan, ada kemungkinan Allah S.W.T akan menurunkan wahyu yang menfardukan ibadat tersebut ke atas mereka. Apabila baginda wafat, keseimbangan tersebut sudah tidak wujud lagi kerana wahyu telah pun berakhir. Sehubungan itu, khalifah Umar r.h. berpendapat bahawa mengerjakan solat

⁹ Muḥammad b. Ismā'īl al-Bukhārī (1999), *op.cit.*, no. h. 2010.

¹⁰ Mālik b. Anas (t.t), *al-Muwatta'*, j. 1, al-Qāhirah: Dār Iḥyā' al-Kutub al-'Arabiyyah, h. 114-115.

¹¹ Muḥammad b. Ismā'īl al-Bukhārī (1999), *op. cit.*

tarawih secara berjemaah selepas kewafatan baginda adalah lebih membawa kemaslahatan kerana mengerjakannya secara individu atau dalam kumpulan-kumpulan yang kecil menggambarkan wujudnya perselisihan. Tambahan lagi, mengerjakannya secara berjemaah dengan dipimpin oleh seorang imam adalah lebih membawa kecergasan kepada kebanyakan umat Islam.¹²

Sementara Dr. Yusuf al-Qaraḍawī pula menjelaskan bahawa ijtihad khalifah Umar r.h. sebenarnya bertepatan dengan petunjuk Rasulullah S.A.W kerana baginda sendiri telah pun mengerjakan qiamullail secara berjemaah pada (awal) bulan Ramadan (tahun kedua *hijriyyah*) selama tiga malam berturut-turut. Sekiranya baginda tidak berasa bimbang kalau-kalau amalan tersebut akan difardukan oleh Allah S.W.T, tentulah baginda akan mengerjakannya secara berjemaah disepanjang bulan Ramadan. Selepas kewafatan baginda, apa yang dibimbangi itu sudah pun berakhir kerana wahyu sudah tidak diturunkan lagi.¹³

Tegasnya, tidak terdapat sebarang nas syarak yang menuntut agar solat sunat tarawih dikerjakan secara berjemaah disepanjang bulan Ramadan pada setiap tahun. Ia sebaliknya merupakan suatu ijtihad yang telah dipelopori oleh khalifah Umar r.h.. Bermula daripada ijtihad itulah, umat Islam dalam kalangan *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* diseluruh dunia telah berijmak dalam mengerjakan solat tarawih secara berjemaah hingga ke hari ini.¹⁴

b. Tempoh Mengandung Yang Paling Minima

Pada zaman pemerintahan khalifah Uthman r.h. (35 H), seorang perempuan telah melahirkan anak selepas berkahwin hanya selama enam bulan (dan beberapa hari) sahaja. Apabila kes tersebut dirujuk kepada khalifah Uthman r.h., pada mulanya beliau mahu menjatuhkan hukuman *ḥudūd* ke atas perempuan tersebut.

¹² Mannā' Qaṭṭān (1997), *Tārīkh al-Tashrī' al-Islāmī*, h. 147.

¹³ Yusuf al-Qaraḍawī (1992), *Fiqh al-Ṣiyām*, c. 2, al-Qāhirah: Dār al-Sahwah, h. 105.

¹⁴ 'Alī Nāyif Biqā'ī (2009), *al-Ijtihād fī 'Ilm al-Ḥadīth wa Atharuh fī al-Fiqh al-Islāmī*, c. 2, Bayrūt: Dār al-Bashā'ir al-Islāmiyyah, h. 219.

Bagaimanapun, beliau telah menarik balik hasratnya itu setelah mendapat nasihat daripada sayidina Ali r.h. (40 H) iaitu berasaskan fakta yang terkandung dalam dua nas al-Quran. Nas al-Quran yang pertama ialah firman Allah S.W.T:

وَوَصَّيْنَا الْإِنْسَانَ بِوَالِدَيْهِ إِحْسَانًا ۖ حَمَلَتْهُ أُمُّهُ كُرْهًا وَوَضَعَتْهُ
كُرْهًا ۖ وَحَمْلُهُ وَفِصْلُهُ ثَلَاثُونَ شَهْرًا ۖ ... ﴿١٥﴾

(Al-Aḥqāf 46: 15)

Dan Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibu bapanya. Ibunya telah mengandungnya dengan menanggung susah payah dan telah melahirkannya dengan menanggung susah payah. Sedang tempoh mengandungnya beserta dengan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa 30 bulan

Manakala nas al-Quran yang kedua pula ialah firman Allah S.W.T:

وَوَصَّيْنَا الْإِنْسَانَ بِوَالِدَيْهِ حَمَلَتْهُ أُمُّهُ وَهْنًا عَلَىٰ وَهْنٍ وَفِصْلُهُ
فِي عَامَيْنِ أَنِ اشْكُرْ لِي وَلِوَالِدَيْكَ إِلَيَّ الْمَصِيرُ ﴿١٤﴾

(Luqmān 31: 14)

Dan Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibu bapanya. Ibunya telah mengandungnya dengan menanggung kelemahan demi kelemahan (daripada mengandung hingga akhir menyusukannya) dan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa dua tahun

Berpandukan kedua-dua nas di atas, sayidina Ali r.h. menyimpulkan bahawa seseorang perempuan boleh melahirkan anak dalam keadaan hidup setelah mengandung dalam tempoh selama enam bulan sahaja.¹⁵

¹⁵ Muḥammad b. Aḥmad al-Qurṭubī (1996), *al-Jāmi' li Ahkām al-Qur'ān*, j. 16, c. 5, Bayrūt: Lubnān, h. 128-129.

Ini kerana melalui ayat ke-15 daripada surah al-Aḥqāf di atas, Allah S.W.T telah menyatakan bahawa tempoh mengandung dan menyusukan anak adalah selama 30 bulan. Memandangkan tempoh menyusukan anak sahaja sudah memakan masa selama dua tahun (iaitu 24 bulan) sebagaimana yang dinaskan melalui ayat ke-14 daripada surah Luqmān, maka tempoh yang berbaki iaitu selama enam bulan lagi adalah dikira sebagai tempoh mengandung yang paling minima yang mana anak yang dilahirkan itu boleh diterima sebagai hasil daripada perkahwinan yang sah menurut hukum syarak.¹⁶

Berasaskan ijtihad inilah perempuan tersebut telah dibebaskan daripada tuduhan melakukan zina dan sekali gus menggugurkan pelaksanaan hukuman hudud ke atasnya.¹⁷

c. Hukum Mengahwini Ibu Mentua Selepas Menceraikan Anak Perempuannya

Allah S.W.T telah mengharuskan seseorang lelaki untuk menceraikan janda yang baru dikahwininya apabila lelaki berkenaan mahu mengambil anak kepada janda tersebut sebagai isterinya yang baharu. Bagaimana pun, keharusan tersebut telah diperuntukkan oleh syarak dengan satu syarat iaitu lelaki berkenaan mestilah belum lagi melakukan hubungan kelamin dengan janda yang baru dikahwininya itu.

Inilah hukum yang telah dipertegaskan oleh *fuqahā'* sahabat r.h. berpandukan fakta-fakta yang terkandung dalam firman Allah S.W.T:

¹⁶ Pendapat ini kemudiannya telah diterima oleh para *fuqahā'* pelbagai mazhab. Pendapat ini terbukti sangat bertepatan dengan kajian secara saintifik yang mengesahkan bahawa anak yang dilahirkan setelah berada di dalam kandungan ibunya selama enam bulan adalah mempunyai peluang untuk hidup.

¹⁷ Jenayah hudud yang telah dinaskan di dalam al-Quran ialah mencuri, merompak, berzina dan menuduh orang lain berzina tanpa empat orang saksi lelaki yang adil. Seseorang yang didakwa melakukan jenayah hudud tidak boleh dihukum sehinggalah dia disabitkan bersalah di mahkamah dengan saksi-saksi yang adil dan bukti-bukti yang terang tanpa sebarang keraguan. Selain daripada kes di atas, terdapat beberapa individu lain yang telah didakwa melakukan kesalahan hudud dan qisas pada zaman Khulafa' Rasyidin tetapi hukuman hudud dan qisas tidak dilaksanakan ke atas mereka kerana terdapat keraguan yang boleh diterima menurut penilaian syariat Islam.

حُرِّمَتْ عَلَيْكُمْ وَرَائِبُكُمْ أُمَّهَاتُكُمُ الَّتِي فِي حُجُورِكُمْ مِّنْ
نِّسَائِكُمُ الَّتِي دَخَلْتُمْ بِهِنَّ فَإِنْ لَّمْ تَكُونُوا دَخَلْتُمْ بِهِنَّ فَلَا
جُنَاحَ عَلَيْكُمْ

(Al-Nisā' 4: 23)

Diharamkan ke atas kamu (berkahwin dengan) ibu-ibu (kandung) kamu dan anak-anak perempuan kamu, ... dan (haram juga mengahwini) anak-anak tiri yang dalam pemeliharaan kamu daripada isteri-isteri yang kamu telah setubuhi mereka; tetapi kalau kamu belum menyetubuhi mereka (janda yang kamu jadikan sebagai isteri itu dan kamu telah pun menceraikan mereka), maka tiadalah salah ke atas kamu (untuk berkahwin dengan anak kepada janda berkenaan),

Kes ini tidak boleh disamakan dengan kes yang sebaliknya yang mana al-Quran tidak mengizinkan seorang lelaki mengahwini ibu mentuanya sekali pun selepas lelaki berkenaan menceraikan isterinya (anak perempuan kepada ibu mentua tersebut) yang belum disetubuhi untuk tujuan berkenaan.

Sehubungan ini telah diriwayatkan bahawa apabila Zayd b. Thābit r.h. (45 H) ditanya berkenaan hukum seorang lelaki yang ingin mengahwini ibu mentuanya selepas menceraikan isterinya (iaitu anak perempuan kepada ibu mentua berkenaan) yang belum lagi disetubuhinya, Zayd b. Thābit r.h. menegaskan bahawa tindakan sedemikian tidak dibenarkan oleh al-Quran.¹⁸ Penegasan beliau adalah merujuk kepada nas al-Quran di awal ayat yang sama iaitu firman Allah S.W.T:

حُرِّمَتْ عَلَيْكُمْ أُمَّهَاتُكُمْ وَأُمَّهَاتُ نِسَائِكُمْ

(Al-Nisā' 4:23)

¹⁸ Mālik b. Anas (t.t), *op. cit.*, j. 2, h. 533.

Diharamkan ke atas kamu (berkahwin dengan) ibu-ibu kamu ... dan ibu-ibu kepada isteri-isteri kamu

Hukum di atas tidak akan diketahui melainkan oleh seseorang yang berkemampuan untuk berijtihad dan telah membuat kajian yang mendalam berkenaan fakta-fakta yang terkandung dalam nas-nas hukum yang terkandung dalam al-Quran yang merupakan sumber hukum yang tertinggi dan paling asasi. Jika tidak, seseorang *fuqahā'* akan terdedah kepada kesilapan dalam mengeluarkan sesuatu fatwa.

Sehubungan ini, Imam Malik b. Anas (93-179 H) meriwayatkan bahawa ketika Abdullah b. Mas'ud r.h. (32 H) berada di Kufah, beliau pernah memberikan kelonggaran kepada seorang lelaki yang meminta pandangannya untuk mengahwini bekas ibu mentuanya selepas lelaki berkenaan menceraikan isterinya (yang merupakan anak perempuan kepada bekas ibu mentua berkenaan) yang belum disetubuhinya.

Bagaimanapun, setelah Abdullah b. Mas'ud r.h. pergi ke Kota Madinah, beliau telah bertanya tentang kedudukan fatwa di atas lalu beliau diberikan penjelasan bahawa hukum yang sebenar ialah tidak harus bagi seseorang lelaki untuk berbuat demikian. Justeru, apabila kembali semula ke Kufah, Ibnu Mas'ud r.h. terus mencari lelaki berkenaan dan memerintahkannya supaya menceraikan isterinya yang sebelum itu merupakan ibu mentuanya.¹⁹

Kes di atas menunjukkan bahawa kesilapan dalam berijtihad kadang-kadang berlaku juga kepada tokoh *fuqahā'* daripada kalangan sahabat. Namun, mereka akan menarik balik sesuatu fatwa sebaik sahaja mengetahui bahawa ia bercanggah dengan sesuatu nas syarak.

Kesilapan seumpama inilah yang pernah berlaku kepada Urwah b. al-Zubayr (99H)²⁰ yang mana ketika masih remaja²⁰ iaitu sebelum menjadi salah seorang daripada tujuh orang

¹⁹ Mālik b. Anas (t.t), *op. cit.*, j. 2, h. 533.

²⁰ Sulaymān b. al-Ash'ath Abū Dawūd (1999), *Sunan Abī Dawūd*, no. h. 1901, Riyadh: Dār al-Salām.

fuqahā tābi'īn yang terkenal di Madinah, beliau telah tersilap dalam memahami firman Allah S.W.T:

﴿ إِنَّ الصَّفَا وَالْمَرْوَةَ مِنْ شَعَائِرِ اللَّهِ ۚ فَمَنْ حَجَّ الْبَيْتَ أَوْ اعْتَمَرَ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِ أَنْ يَطَّوَّفَ بِهِمَا ۚ وَمَنْ تَطَوَّعَ خَيْرًا فَإِنَّ اللَّهَ شَاكِرٌ عَلِيمٌ ﴾
(Al-Baqarah 2: 158)

Sesungguhnya Safa dan Marwah itu adalah sebahagian daripada syiar (lambang) agama Allah. Maka, sesiapa yang menunaikan ibadat haji ke Baitullah atau mengerjakan umrah, maka tiadalah menjadi salah untuk dia bersai (berjalan berulang alik) antara keduanya....

Beliau menyangka bahawa hukum melakukan sai di antara Safa dan Marwah adalah sunat sahaja. Bagaimanapun, kesilapan beliau dalam memahami ayat di atas telah diperbetulkan oleh sayidatina Aisyah r.h. (58 H). Berkenaan kes di atas, 'Urwah mengatakan: ²¹

"قُلْتُ لِعَائِشَةَ مَا أَرَى عَلَى أَحَدٍ لَمْ يَطُفْ بَيْنَ الصَّفَا وَالْمَرْوَةِ شَيْئًا، وَمَا أَبَالِي إِلَّا أَطُوفَ بَيْنَهُمَا. فَقَالَتْ: يَبْنَؤُا أَخِي! ... وَلَوْ كَانَتْ كَمَا تَقُولُ لَكَانَتْ: (فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِ إِلَّا يَطُوفَ بِهِمَا)."

Saya berkata kepada Aisyah: "Saya berpendapat, tidak menjadi sebarang kesalahan ke atas seseorang yang tidak melakukan sai di antara Safa dan Marwah dan saya sendiri pun tidak mengambil peduli untuk tidak bersai di antara keduanya". Lalu Aisyah berkata: "Alangkah buruknya apa yang engkau cakapkan itu wahai anak saudaraku! ... Sekiranya apa yang engkau katakan itu benar, tentulah firman Allah akan berbunyi begini (maksudnya): "Maka tiadalah menjadi salah ke atasnya untuk tidak bersai di antara keduanya.

²¹ Sulaymān b. al-Ash'ath Abū Dawūd (1999), *op. cit.*, no. h. 1901.

Tegasnya, sesuatu persoalan hukum tidak boleh dijawab berpandukan pendapat akal semata-mata. Ia sebaliknya hendaklah diistinbatkan (dikeluarkan) daripada dalil yang kuat khususnya daripada fakta-fakta yang terkandung dalam sesuatu nas hukum yang terperinci (*nusus tafṣīliyyah*), yang mana ia perlu dilakukan oleh seseorang yang memenuhi syarat-syarat untuk berijtihad. Sekiranya terdapat sesuatu ijtihad yang bertentangan dengan nas syarak atau mana-mana fakta yang terkandung di dalamnya, maka ijtihad tersebut akan terbatal dengan sendirinya.

2. Ijtihad Berasaskan Kaedah Qiyās

Selain daripada berijtihad dengan mengambil kira sesuatu fakta yang terkandung di dalam al-Quran dan al-Sunnah, *fuqahā'* sahabat turut berijtihad berasaskan kaedah *qiyās* untuk mengistinbatkan hukum bagi kes-kes baru iaitu apabila wujud persamaan 'illah (alasan) hukum antara kes-kes baru dengan sesuatu persoalan yang telah dinaskan dalam al-Quran dan al-Sunnah.

Sehubungan ini, khalifah Umar r.h. (23 H) contohnya telah menulis surat kepada Abū Mūsā al-Ash'arī (44 H) yang telah dilantiknya sebagai kadi (hakim mahkamah):²²

أَفْهَمَ الْفَهْمَ فِيمَا تَلَجَّلَجَ فِي صَدْرِكَ مِمَّا لَيْسَ فِي كِتَابِ اللَّهِ وَلَا سُنَّةٍ؛
اعْرِفِ الْأَشْبَاهَ وَالْأَمْثَالَ، وَقِسِ الْأُمُورَ عِنْدَ ذَلِكَ.

Fahamilah betul-betul tentang apa-apa (persoalan) yang menimbulkan keraguan di dalam hati anda daripada apa-apa (kes dan persoalan) yang tidak wujud (secara nyata dan terperinci) dalam al-Quran dan al-Sunnah. Kenalilah aspek-aspek persamaan dan keserupaan dan ketika itu qiyāskanlah pelbagai persoalan (bagi membuat ketentuan hukum syarak bagi kes-kes baru yang tiada nas syarak yang terperinci mengenainya)

'Illah (alasan) hukum itu sendiri terbahagi kepada dua kategori iaitu pertama 'illah yang dinyatakan dengan jelas dalam sesuatu nas

²² Muḥammad al-Khuḍarī Bik (1997), *Tārīkh al-Tashrī' al-Islāmī*, h. 74.

hukum dan kedua ialah 'illah yang dapat dikenal pasti melalui ijtihad.²³ Contoh 'illah kategori pertama ialah sifat memabukkan yang menjadi 'illah pengharaman arak. Manakala contoh 'illah kategori kedua ialah perjalanan bermusafir (dalam jarak perjalanan yang tertentu menurut perselisihan *fuqahā'*) adalah menjadi 'illah diharuskan bersolat secara qasar tanpa mengambil kira sama ada musafir itu dilakukan dengan menaiki unta di padang pasir mahu pun musafir yang dilakukan dengan menaiki kapal terbang tanpa mengalami banyak kesulitan.

Antara persoalan yang telah diijtihadkan oleh *fuqahā'* sahabat pada zaman Khulafa' Rasyidin berasaskan kaedah *qiyās* ialah sebagaimana berikut:

- a. Menyokong Perlantikan Sayidina Abu Bakar r.h. Sebagai Khalifah Pertama

Antara persoalan yang mula-mula dihadapi oleh para sahabat sebaik sahaja wafatnya Rasulullah S.A.W ialah berkenaan siapakah yang berhak dilantik sebagai khalifah yang pertama. Selepas melalui perdebatan yang hangat di Saqīfah Banī Sa'īdah, sayidina Abu Bakar al-Ṣiddīq r.h. (13 H) telah dibaiahkan sebagai khalifah di majlis berkenaan. Memandangkan majlis tersebut hanya dihadiri oleh sebilangan kecil para sahabat r.h., maka baiah umum telah dilakukan keesokannya di atas mimbar Masjid Nabawī.²⁴

Dalam memberikan sokongan kepada pemilihan tersebut, *fuqahā'* sahabat r.h. telah menggunakan kaedah *qiyās* yang mana mereka telah merujuk kes tersebut kepada pemilihan sayidina Abu Bakar r.h. sebagai imam solat oleh Rasulullah S.A.W disepanjang tempoh kegeringan baginda.²⁵ Berkenaan sokongan tersebut, para sahabat r.h. mengatakan:²⁶

"رَضِيَهُ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِدِينِنَا أَفَلَا نَرْضَاهُ لِدُنْيَانَا؟"

²³ *Ibid.*

²⁴ Ismā'īl b. 'Umar b. Kathīr (1987), *al-Bidāyah wa al-Nihāyah*, j. 5, h. 217.

²⁵ Muḥy al-Dīn b. Sharaf al-Nawawī (1997), *al-Minhāj Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim Ibn al-Hajjāj* j. 4, c. 4, Bayrūt: Dār al-Ma'rifah, h. 357-366.

²⁶ Muḥammad b. Abī Bakr b. al-Qayyim (1993), *I'lām al-Muwaqqi'īn*, j. 1, al-Qāhirah: Dār al-Ḥadīth, h. 189.

Rasulullah S.A.W meredainya (Abu Bakar r.h.) untuk agama kita (bagi mengimami salat berjemaah), apakah kita tidak meredainya untuk urusan dunia kita (bagi menjadi ketua negara)?

Hujah di atas membuktikan bahawa para sahabat r.h. telah menggunakan kaedah *qiyās* dalam menyokong perlantikan sayidina Abu Bakar al-Ṣiddīq r.h. sebagai khalifah pertama sesudah kewafatan Rasulullah S.A.W iaitu meng*qiyā*skan kepimpinan negara dengan kepimpinan salat.²⁷

b. Memerangi Golongan Yang Enggan Membayar Zakat

Kewafatan Rasulullah S.A.W telah disambut dengan penuh kegembiraan oleh golongan *munāfiqīn* dan *kuffār*. Tambahan daripada itu, muncul pula beberapa orang yang mengaku sebagai nabi palsu yang telah berjaya mempengaruhi sebilangan umat Islam yang masih kekurangan ilmu dan tidak mempunyai keimanan yang mantap. Dalam suasana yang tidak menentu itu, terdapat pula sebilangan para penganut Islam yang telah menjadi murtad.

Masalah yang dihadapi itu menjadi bertambah kronik apabila terdapat sebilangan umat Islam yang enggan membayar zakat kepada pihak kerajaan Islam yang dipimpin oleh sayidina Abu Bakar al-Ṣiddīq r.h. yang baru dilantik sebagai khalifah. Antara alasan mereka ialah zakat tidak berhak dipungut kecuali oleh Rasulullah S.A.W sahaja kerana perintah supaya memungut zakat telah ditujukan kepada baginda secara khusus sebagaimana firman Allah S.W.T:

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ إِنَّ
صَلَوَاتَكَ سَكَنٌ لَهُمْ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿١٠٣﴾

(Al-Tawbah 9: 103)

Ambillah (wahai Nabi Muhammad!) sebahagian daripada harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya

²⁷ Muḥammad b. Muḥammad al-Ghazālī (1997), *al-Mustasfā min 'Ilm al-Uṣūl*, j. 1, Bayrūt: Dār Iḥyā' al-Turāth al-‘Arabī, h. 242.

dengannya engkau membersihkan mereka (daripada dosa) dan mensucikan mereka (daripada akhlak yang buruk); dan doakanlah untuk mereka kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka. Dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.

Golongan yang terpedaya itu tidak memahami bahawa Nabi Muhammad S.A.W sebenarnya telah diutuskan oleh Allah S.W.T untuk menegakkan agama dan memimpin dunia berpandukan syariat Islam. Justeru, selepas kewafatan baginda peranan dan tanggungjawab mengambil alih tugas berkenaan telah berpindah kepada khalifah Abu Bakar al-Şiddīq r.h. yang telah dilantik sebagai ketua negara Islam yang baharu.

Suasana menjadi lebih kronik apabila golongan-golongan yang terpedaya dan menyeleweng itu tidak mahu kembali ke pangkal jalan, bahkan ada daripada kalangan musuh-musuh Islam yang telah mempersiapkan pasukan tentera untuk memerangi kerajaan Islam. Manakala nabi-nabi palsu pula berusaha mencari sokongan dan kekuatan yang tersendiri.

Untuk menghadapi fitnah yang sangat merbahaya itu, khalifah Abu Bakar al-Şiddīq r.h. telah membentuk beberapa pasukan tentera untuk memerangi semua golongan yang terlibat termasuk golongan yang enggan membayar zakat. Akibat tindakan tegas sedemikian, ramai yang telah bertaubat dan kembali menjadi individu muslim yang mematuhi hukum dan syariat Islam yang sebenar.

Sebenarnya tidak terdapat sebarang nas syarak yang terperinci yang membenarkan pihak kerajaan Islam memerangi golongan yang enggan membayar zakat daripada kalangan umat Islam. Ia sebaliknya telah diputuskan hasil daripada ijtihad khalifah Abu Bakar al-Şiddīq r.h. Ijtihad berkenaan pada mulanya tidak dipersetujui oleh sayidina Umar b. al-Khaţţāb r.h. selaku menteri yang paling kanan yang mana beliau telah memperdebatkan ijtihad tersebut dengan mengatakan.²⁸

²⁸ Muslim b. Hajjāj (2005), *op. cit.*, no. h. 124.

كَيْفَ تُقَاتِلُ النَّاسَ؟ وَقَدْ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: أُمِرْتُ
أَنْ أُقَاتِلَ النَّاسَ حَتَّى يَقُولُوا: لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، فَمَنْ قَالَ: لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ فَقَدْ
عَصِمَ مِنِّْي مَالُهُ وَنَفْسُهُ إِلَّا بِحَقِّهِ، وَحِسَابُهُ عَلَى اللَّهِ.

Apakah alasannya tuan mahu memerangi orang ramai? Padahal Rasulullah S.A.W telah bersabda: “Saya diperintahkan supaya memerangi manusia sehingga mereka berkata: Tiada Tuhan melainkan Allah. Maka, sesiapa saja yang berkata: Tiada Tuhan melainkan Allah, maka sesungguhnya telah terpeliharalah daripadaku hartanya dan dirinya kecuali dengan haknya dan perhitungan amalannya terserahlah kepada Allah.

Ternyata daripada hujah di atas, faktor utama kenapa sayidina Umar r.h. cuba mempertikaikan ijtihad khalifah Abu Bakar al-Şiddīq r.h. dalam isu berkenaan ialah kerana tindakan memerangi golongan yang enggan membayar zakat akibat terpedaya dengan hujah yang menyeleweng dan suasana politik yang baru muncul secara tiba-tiba itu akan menyebabkan berlakunya pembunuhan ke atas orang-orang Islam yang terlibat padahal darah-darah mereka mesti dipelihara sebagaimana yang terkandung dalam banyak ayat-ayat al-Quran dan juga dalam banyak hadis-hadis Rasulullah S.A.W.²⁹

Sekali pun ijtihad yang dikemukakan oleh khalifah Abu Bakar al-Şiddīq r.h. itu cuba dipertikaikan oleh menteri kanan beliau sendiri, namun khalifah Abu Bakar r.h. tetap bertegas untuk memerangi golongan berkenaan dengan berhujah menggunakan frasa yang terkandung dalam hadis itu sendiri iaitu frasa (إِلَّا بِحَقِّهِ) yang bermaksud: “kecuali dengan haknya”. Frasa ini secara tersiratnya membolehkan pihak pemerintah memerangi golongan yang enggan membayar zakat terutamanya apabila keengganan berkenaan boleh membawa kepada terungkainya salah satu daripada lima rukun Islam yang telah diketahui secara mudah dan pasti oleh sekalian umat Islam (مَا عَلِمَ مِنَ الدِّينِ بِالضَّرُورَةِ). Sehubungan itu, khalifah Abu Bakar r.h. telah menegaskan: ³⁰

²⁹ Ibid, no. h.128.

³⁰ Ibid, no. h. 124.

"وَاللّٰهُ لَأَقَاتِلَنَّ مَنْ فَرَّقَ بَيْنَ الصَّلَاةِ وَالزَّكَاةِ، فَإِنَّ الزَّكَاةَ حَقُّ الْمَالِ، وَاللّٰهُ!
لَوْ مَنَعُونِي عَقَالًا كَانُوا يُؤَدُّونَهُ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَقَا
تَلْتُهُمْ عَلَى مَنْعِهِ."

Demi Allah! Saya pasti akan memerangi orang yang membezakan antara solat dan zakat (kerana) sesungguhnya zakat adalah hak harta. Demi Allah! Sekiranya mereka enggan memberikan kepada saya seekor kambing sahaja (daripada bahagian zakat) yang pernah mereka berikannya kepada Rasulullah S.A.W nescaya saya akan memerangi mereka kerana keengganan tersebut.

Mendengar hujah dan penegasan yang diberikan oleh khalifah Abu Bakar r.h., sayidina Umar r.h. mengatakan:³¹

فَوَاللّٰهِ! مَا هُوَ إِلَّا أَنْ رَأَيْتُ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ قَدْ شَرَحَ صَدْرَ أَبِي بَكْرٍ لِلْقِتَالِ،
فَعَرَفْتُ أَنَّهُ الْحَقُّ.

Demi Allah! Saya menyedari bahawa Allah `Azza wa Jalla jualah yang telah melapangkan dada Abu Bakar r.h. untuk berperang. Justeru, tahulah saya bahawa ia adalah pendapat yang sebenar (sangat tepat).

Penjelasan di atas menunjukkan berlakunya perdebatan kecil berhubung ijtihad khalifah Abu Bakar al-Şiddīq r.h. yang mahu memerangi kesemua golongan yang menyeleweng dan terpedaya dizamannya termasuk golongan yang enggan membayar zakat. Walaupun sayidina Umar r.h. telah mengemukakan sebuah hadis untuk mempertikaikan ijtihad khalifah Abu Bakar r.h., namun hadis itu jugalah yang telah digunakan oleh sang khalifah untuk mempertahankan ijtihad yang diyakininya bertepatan dengan fakta yang terkandung dalam nas-nas syarak dan juga bertepatan dengan objektif syariat Islam iaitu untuk memelihara kesucian agama dan kefahaman yang sebenar berhubung hukum-hukum syarak yang bersifat *darūrī*. Ijtihad tersebut kemudiannya telah dipersetujui dengan sebulat

³¹ *Ibid.*

suara oleh sekalian *fuqahā'* sahabat r.h. termasuk sayidina Umar r.h. sendiri.

Menurut Imam al-Ghazali (505 H)³² dan Imam al-Nawawi (676 H),³³ ijtihad Abu Bakar r.h. di atas adalah berasaskan kaedah *qiyās* iaitu meng*qiyās*kan kewajipan memerangi golongan yang enggan membayar zakat dengan kewajipan memerangi golongan yang enggan mengerjakan solat.

c. Mengharamkan Harga Jualan Arak ke Atas Umat Islam

Pada zaman pemerintahan khalifah Umar r.h (23 H), Samurah b. Jundub r.h. (59 H) telah menerima arak *ahl dhimmah* sebagai cukai 'ushur iaitu cukai perniagaan yang dikenakan ke atas barang-barang perniagaan *non muslim*.³⁴ Beliau bertindak mencampurkan air ke dalam arak tersebut sehingga tidak lagi memabukkan kemudian menjualkannya. Apabila tindakan tersebut sampai ke pengetahuan khalifah Umar r.h., beliau dengan marahnya mengatakan: ³⁵

"قَاتَلَ اللَّهُ سُمْرَةَ، أَلَمْ يَعْلَمْ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "لَعَنَ
اللَّهُ الْيَهُودَ، حُرِّمَتْ عَلَيْهِمُ الشُّحُومُ فَجَمَلُوهَا فَبَاعُوهَا (وَفِي رِوَايَةٍ: وَأَكَلُوا
أَثْمَانَهَا)".

Pasti Allah memurkai Samurah. Tidakkah beliau mengetahui bahawa Rasulullah S.A.W telah bersabda (maksudnya): "Allah telah melaknat bangsa Yahudi (kerana) telah diharamkan ke atas mereka (memakan) lemak (lembu dan kambing), lantas mereka pun mencairkannya lalu menjual cairan lemak berkenaan (dan dalam satu riwayat lain (baginda turut bersabda): lalu mereka memakan harga jualannya).

Pengharaman jualan lemak (binatang ternakan) ke atas bangsa Yahudi sebagaimana yang dinyatakan melalui hadis di atas adalah terkandung dalam firman Allah S.W.T:

³² Al-Ghazālī (t.t), *op. cit.*, j. 2, h. 242.

³³ Al-Nawawī (1997), *op. cit.*, j. 1, h. 152-153 dan 155.

³⁴ Nazīh Hammād (1995), *Mu'jam al-Muṣṭalahāt al-Iqtiṣādiyyah fī Lughah al-Fuqahā'*. Al-Madīnah: al-Maktabah al-Ilmiyyah, h. 243-244. Lihat juga: Ghālib 'Abd al- Kāfi al-Qurashī (1990), *Awwalīyyāt al-Farūq al-Siyāsiyyah*, al-Manṣūrah: Dār al-Wafā', h. 376-381.

³⁵ Muslim b. Ḥajjāj (2005), *op. cit.*, no. h. 4026 dan 4027.

وَعَلَى الَّذِينَ هَادُوا حَرَّمْنَا كُلَّ ذِي ظُفْرٍ وَمِنَ الْبَقَرِ وَالْغَنَمِ
حَرَّمْنَا عَلَيْهِمْ شُحُومَهُمَا إِلَّا مَا حَمَلَتْ ظُهُورُهُمَا أَوْ أَلْحَايَا
أَوْ مَا اخْتَلَطَ بِعَظْمٍ ﴿١٤٦﴾ (Al-An'ām 146)

Dan Kami haramkan ke atas bangsa Yahudi setiap binatang yang berkuku dan daripada lembu dan kambing pula Kami haramkan ke atas mereka lemaknya kecuali (lemak) yang ada pada belakangnya atau yang menyelaputi perkakas dalam perutnya atau yang bercampur dengan tulang.

Menurut Imam al-Ghazali,³⁶ larangan yang dikeluarkan oleh sayidina Umar r.h. berhubung kes di atas telah dibuat berasaskan kaedah *qiyās* iaitu sebagaimana harga jualan lemak (lembu dan kambing) telah diharamkan ke atas bangsa Yahudi, maka harga jualan arak yang dicampurkan dengan air juga adalah diharamkan ke atas umat Islam.

d. Hukuman ke Atas Orang Yang Menuduh Lelaki Berzina

Berkenaan perbuatan melemparkan tuduhan zina ke atas seseorang, al-Quran hanya memperincikan hukuman yang berkaitan dengan tuduhan yang dilemparkan ke atas golongan perempuan yang *muḥṣanāt* (menjaga kehormatan diri) sahaja sebagai mana firman Allah S.W.T:

وَالَّذِينَ يَرْمُونَ الْمُحْصَنَاتِ ثُمَّ لَمْ يَأْتُوا بِأَرْبَعَةِ شُهَدَاءَ فَاجْلِدُوهُمْ
تَمْنِينَ جَلْدَةً ﴿٤﴾ (Al-Nūr 24: 4)

Dan orang-orang yang melemparkan tuduhan zina ke atas perempuan yang terpelihara kehormatannya, kemudian mereka tidak membawakan empat orang saksi, maka sebatlah mereka sebanyak 80 kali

³⁶ Al-Ghazalī (t.t), *op. cit.*, j. 2, h. 244.

Berpandukan ayat di atas, *fuqahā'* sahabat telah berijmak mengatakan bahawa seseorang yang melemparkan tuduhan zina ke atas lelaki yang suci tanpa membawa saksi seramai empat orang juga hendaklah dikenakan hukuman yang sama iaitu sebanyak 80 kali sebatan. Kaedah ijtihad yang digunakan oleh mereka ialah *qiyās*.³⁷

Antara hukum-hukum yang disepakati oleh *fuqahā'* berasaskan kaedah *qiyās* ialah harus memakan binatang buruan yang ditangkap oleh binatang buas selain daripada anjing apabila binatang buas berkenaan telah diajar dan dilatih berkenaan cara menangkap binatang buruan. Demikian juga sebagaimana al-Quran menetapkan bahawa kesaksian ke atas hutang piutang boleh dilakukan oleh seorang lelaki bersama dengan dua orang wanita sekiranya tidak didapati dua orang lelaki sebagai saksi, kes-kes harta yang berkaitan dengan pusaka, barang-barang simpanan dan semua jenis akad yang melibatkan harta-benda juga boleh dipersaksikan oleh seorang lelaki bersama dengan dua orang wanita. Dan sebagaimana berkuatkuasanya hukum *zihar* ke atas isteri apabila suami menyamakan isteri dengan pengharaman ibunya, hukum *zihar* juga dikira telah berlaku apabila suami mengharamkan isteri ke atas dirinya sama seperti pengharaman anak perempuannya ke atas dirinya.³⁸

Demikianlah penjelasan yang membuktikan bahawa para sahabat r.h. telah berijtihad menentukan pelbagai hukum berasaskan kaedah *qiyās*.

3. Ijtihad Berasaskan Konsep Masalahah

Menurut pengertian bahasa, Imam al-Ghazali (450-505 H) menjelaskan bahasa perkataan *maṣlahah* (*مَصْلَحَة*) pada asalnya bermaksud menarik kemanfaatan dan menolak kemudaratan (*جَلَبُ الْمَنْفَعَةِ وَدَفْعُ الْمَضَرَّةِ*)³⁹

³⁷ Nādiyāh Sharīf al-‘Umarī (1985), *Ijtihād al-Rasūl S.A.W.* c. 3. Bayrūt: Mu’assasah al-Risālah, h. 229.

³⁸ *Ibid*, j. 1, h. 185-196.

³⁹ Al-Ghazālī (1997), *al-Mustasfā min ‘Ilm al-Uṣūl*, h. 216.

Menurut pengertian istilah, Imam al-Ghazali mentakrifkan *maṣlahah* sebagai “memelihara kehendak syarak (Allah dan RasulNya)”. Al-Ghazali seterusnya menghuraikan bahawa kehendak syarak yang berhubung kait dengan manusia adalah bertujuan untuk memelihara agama, jiwa, akal, keturunan dan harta-benda mereka. Setiap perkara yang termasuk dalam penjagaan lima kemaslahatan teras ini maka itulah dia apa yang dimaksudkan sebagai *maṣlahah*. Dan setiap perkara yang menghilangkan lima *maṣlahah* tersebut, ia adalah *mafsadah* (kerusakan dan kemudaratan); dan menolak *mafsadah* adalah (sebahagian daripada) *maṣlahah*.⁴⁰

Antara persoalan yang telah diijtihadkan oleh *fuqahā'* sahabat berasaskan konsep *maṣlahah* dizaman Khulafa' Rasyidin ialah khalifah Umar r.h telah menggalakkan umat Islam (khasnya yang tinggal di sekitar *al-Haramayn*) mengerjakan haji *ifrād*. Tujuan beliau ialah supaya Kaabah sentiasa dikunjungi oleh umat Islam disepanjang tahun khasnya apabila mereka mengerjakan umrah di luar musim haji.⁴¹ Antaranya lagi ialah Khulafa' Rasyidin r.h telah memerintahkan supaya para tukang membayar ganti rugi akibat kerusakan atau kehilangan barang-barang para pelanggan apabila mereka mendakwa berlakunya kerusakan atau kehilangan barang-barang berkenaan tanpa saksi dan bukti yang kukuh.⁴²

Berasaskan kaedah *al-maṣlahah* dan *sadd al-zarā'i* pula, khalifah Umar r.h. telah menjatuhkan hukuman *qīṣaṣ* (bunuh balas) ke atas satu kumpulan yang telah membunuh satu jiwa.⁴³

Di bawah ini ialah huraian lanjut berkenaan beberapa persoalan yang telah diijtihadkan oleh *fuqahā'* sahabat r.h. berasaskan konsep *maṣlahah*:

a. Menjayakan Usaha Pembukuan al-Quran

Walaupun semua ayat-ayat al-Quran telah ditulis dan dihafal pada zaman Rasulullah S.A.W, namun baginda tidak pernah

⁴⁰ *Ibid*, h. 217.

⁴¹ Ibn al-Qayyim (1985), *al-Ṭuruq al-Hukmiyyah fī al-Siyāsah al-Shar'īyyah*. Jaddah: Dār al-Madanī, h. 20.

⁴² Al-Shātībī (1996), *al-I'tisām*. j. 2, Bayrūt: Dār al-Fikr, h. 83 dan 'Alī HasabAllāh (1982), *Uṣul al-Tashrī' al-Islāmī*, c.6, Bayrūt: Dār al-Fikr al-'Arabi, h. 177-178.

⁴³ 'Abd al-Karīm Zaydān (1992), *al-Madkhal li Dirāsah al-Sharī'ah al-Islamiyyah*, c.12, Baghdād: Maktabah al-Quds, h. 102.

memerintahkan agar al-Quran dikumpulkan sehingga menjadi satu naskhah yang lengkap.

Tindakan pembukuan al-Quran hanya dilakukan pada zaman pemerintahan khalifah Abu Bakar al-Şiddīq r.h. (13 H) setelah dicadang dan didesak oleh sayidina Umar b. al-Khaṭṭab r.h. (23 H). Cadangan tersebut dibuat apabila beliau mendapati bilangan para penghafaz al-Quran dalam kalangan para sahabat r.h. semakin berkurangan kerana ramai antara mereka yang gugur syahid dalam peperangan menentang kebangkitan golongan murtad dan golongan yang enggan membayar zakat.

Pada mulanya khalifah Abu Bakar al-Şiddīq r.h. berasa keberatan untuk menerima cadangan yang dikemukakan oleh sayidina Umar r.h. dengan memberikan alasan bahawa Rasulullah S.A.W sendiri tidak pernah melakukan usaha pengumpulan al-Quran dalam satu jilid yang khusus.

Namun, sayidina Umar r.h. terus mendesak supaya cadangan itu diterima dengan menegaskan bahawa tindakan pembukuan al-Quran adalah sangat diperlukan dan ia mengandungi kebaikan (*maṣlaḥah*) untuk semua umat Islam disepanjang zaman.

Setelah khalifah Abu Bakar r.h. memahami bahawa cadangan tersebut sememangnya mengandungi suatu kemaslahatan yang sangat penting iaitu keperluan memelihara al-Quran sebagai sumber hukum Islam yang tertinggi daripada kemungkinan akan dipertikaikan tentang kesahihannya pada kemudian hari, beliau terus mengarahkan Zayd b. Thābit r.h. (45 H) supaya melaksanakan tanggungjawab berkenaan.

Bermula daripada arahan dan usaha pembukuan itulah lahirnya satu naskhah al-Quran yang ditulis secara lengkap dan tersusun sebagaimana yang diwarisi oleh umat Islam sedunia dewasa ini. Sekali gus, ia membuktikan kebenaran jaminan Allah S.W.T untuk memelihara al-Quran daripada sebarang pemalsuan hingga ke hari kiamat.

b. Isu Pengagihan Tanah Pertanian Rampasan Perang Di Iraq

Antara isu terpenting yang timbul dizaman pemerintahan khalifah Umar r.h. ialah berhubung tindakan yang perlu

dilakukan terhadap tanah pertanian selepas prajurit Islam berjaya membuka negeri Iraq yang mempunyai tanah pertanian yang sangat subur.

Sehubungan itu, para sahabat r.h. telah menggesa agar khalifah Umar r.h. membahagikan tanah-tanah pertanian tersebut menurut kehendak ayat *ghanimah* (harta rampasan perang) sebagaimana firman Allah S.W.T:

﴿وَأَعْلَمُوا أَنَّمَا غَنِمْتُمْ مِنْ شَيْءٍ فَإِنَّ لِلَّهِ خُمُسَهُ وَلِلرَّسُولِ وَلِذِي

الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينِ وَابْنِ السَّبِيلِ...﴾

(Al-Anfāl 8: 41)

Dan ketahuilah bahawa apa sahaja yang kamu perolehi sebagai harta rampasan perang, maka sesungguhnya satu perlima daripadanya (hendaklah dibahagikan) untuk (jalan) Allah, untuk RasulNya, untuk kerabat (Rasulullah) anak-anak yatim, golongan miskin dan orang musafir yang kehabisan belanja....

Ini kerana Rasulullah S.A.W sendiri telah membahagikan tanah rampasan perang Khaybar menurut kehendak *khumus* iaitu empat perlima diberikan kepada para prajurit Islam manakala satu perlima lagi diperuntukkan kepada Rasulullah S.A.W, kaum kerabat baginda, anak-anak yatim, fakir miskin dan orang yang kehabisan belanja ketika bermusafir.

Sehubungan itu, *fuqahā'* sahabat r.h. telah berbeza pendapat dalam memberikan pendapat untuk menyelesaikan tuntutan berkenaan. Persoalan penting yang dihadapi ialah isu tersebut mempunyai kaitan dengan nas al-Quran yang bersifat *qat'ī* dan tambahan lagi Rasulullah S.A.W sendiri telah merealisasikan ketetapan berkenaan semasa hayat baginda.

Sebagai seorang khalifah yang berpandangan jauh, sayidina Umar r.h. berpendapat bahawa tanah tersebut tidak termasuk dalam kategori harta rampasan perang yang perlu dibahagikan mengikut kehendak *khumus*. Menurut kefahaman beliau, tanah tersebut akan menjadi terbiar sekiranya ia dibahagikan mengikut kaedah *ghanimah* kerana umat Islam

pada ketika itu sentiasa sibuk dengan gerak kerja dakwah dan jihad dan tidak mempunyai masa untuk bercucuk tanam.

Justeru, khalifah Umar r.h mencadangkan agar tanah tersebut terus dimiliki dan diusahakan oleh para pemiliknya yang asal dan sebagai imbalannya mereka dikenakan bayaran cukai tanah (*al-kharāj*) untuk membiayai pelbagai kemaslahatan negara dan umat Islam. Antara *fuqahā'* sahabat yang menyetujui pandangan khalifah Umar r.h. (23 H) ialah sayidina Uthman b. Affan (35 H), Ali b. Abi Talib (40 H), Mu'az b. Jabal (19 H) dan Talhah b. Ubaydillah (36 H) r.h..

Bagaimana pun, disebalik itu terdapat ramai juga para tentera Islam termasuk dari kalangan para pemuka sahabat yang menentang keras pendapat khalifah Umar r.h. kerana mereka menganggap ianya bercanggah dengan ayat *ghanimah* yang terkandung dalam al-Quran. Antara tokoh-tokoh sahabat yang membuat tuntutan pembahagian tanah-tanah berkenaan ialah Bilal b. Rabah (20 H), Abd al-Rahman b. 'Awf (32 H) dan 'Ammar b. Yasir (36 H) r.h..

Memandangkan apa yang dituntut oleh Bilal dan beberapa orang tokoh sahabat yang lain mempunyai alasan yang kuat iaitu kerana terdapat nas al-Quran mengenainya dan ia pula telah dilaksanakan oleh Rasulullah S.A.W sendiri, khalifah Umar r.h. menjadi begitu serba salah.

Apabila perselisihan pendapat menjadi begitu sengit sehingga memakan masa selama lebih kurang tiga hari, khalifah Umar r.h. telah *mentahkimkan* kes tersebut kepada sepuluh orang para pemuka Aws dan Khazraj. Sesudah mempertimbangkan hujah kedua-dua pihak, mereka memutuskan bahawa pendapat khalifah Umar r.h. adalah lebih bertepatan dengan kemaslahatan umum umat Islam.⁴⁴

Telah diriwayatkan juga bahawa untuk menguatkan hujahnya, khalifah Umar r.h. telah mengkaji ayat-ayat al-Quran dan mengemukakan firman Allah S.W.T:

⁴⁴ Badrān Abū al-‘Aynayn Badrān (t.t), *Tārikh al-Fiqh al-Islamī*. Bayrūt: Dār al-Nahdah al-‘Arabiyyah, h. 59-60.

مَا أَفَاءَ اللَّهُ عَلَى رَسُولِهِ مِنْ أَهْلِ الْقُرَىٰ فَلِلَّهِ وَلِلرَّسُولِ وَلِذِي
الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينِ وَابْنِ السَّبِيلِ كَيْ لَا يَكُونَ دُولَةً بَيْنَ
الْأَغْنِيَاءِ مِنْكُمْ ۚ

(Al-Hashr 59:7)

Apa sahaja harta rampasan yang dikurniakan oleh Allah kepada RasulNya (Nabi Muhammad S.A.W) yang berasal daripada harta penduduk negeri dengan tidak berperang, maka harta tersebut adalah untuk Allah, untuk Rasulullah, untuk kaum kerabat (Rasulullah), anak-anak yatim, golongan miskin dan orang-orang musafir (yang kehabisan perbelanjaan) supaya harta itu tidak hanya beredar dalam kalangan orang-orang yang kaya daripada kalangan kamu....

Bertolak daripada nas di atas, khalifah Umar r.h. berpendapat bahawa hukum *ghanimah* hanya terhad kepada harta alih (الْمَنْقُول) sahaja sementara harta tak alih (الْعَقَار) pula adalah termasuk di dalam kaedah *fāy'* (الْفَيْء). Berhubung hujah di atas, konsep harta *ghanimah* menurut khalifah Umar r.h. adalah tidak termasuk harta tak alih seperti tanah tetapi khusus kepada harta alih (yang boleh dipindahkan) sahaja.⁴⁵

Sehubungan itu, Dr. Muṣṭafa Sa'īd al-Khinn menjelaskan bahawa khalifah Umar r.h. tidak memutuskan hukum berasaskan prinsip *maṣlahah* semata-mata dengan meninggalkan nas al-Quran dan amalan Rasulullah S.A.W sebagaimana yang didakwa oleh sesetengah pihak. Khalifah Umar r.h. sebaliknya telah menggunakan ayat al-Quran yang lain berasaskan kefahamannya yang mendalam berkenaan objektif syariah.⁴⁶

⁴⁵ Muḥammad Abū Zahrah (1987), *Tārīkh al-Mazāhib al-Islāmiyyah*, j. 2, Bayrūt: Dār al-Fikr al-'Arabī, h. 248.

⁴⁶ Muṣṭafa Sa'īd al-Khinn (1998), *Atsar al-Ikhtilāf fī al-Qawā'id al-Uṣūliyyah*, c. 7, Bayrūt: Mu'assasah al-Risālah, h. 68.

c. Mengawal Kaedah Penulisan al-Quran

Pada zaman pemerintahan khalifah 'Uthman r.h. (35 H), seorang sahabat bernama Huzayfah b. al-Yaman r.h. (36 H) yang baru pulang daripada peperangan di Syam telah melaporkan kepada khalifah tentang perselisihan yang telah berlaku dalam kalangan sebilangan tentera Islam berhubung *qirā'āt* (kaedah bacaan) al-Quran sehingga sampai ke peringkat mereka saling mempersalahkan (bahkan saling mengkafirkan) antara satu sama lain.⁴⁷

Berikutan laporan daripada Huzayfah r.h. itulah khalifah 'Uthman r.h. telah mengambil suatu tindakan yang tegas terhadap kaedah penulisan al-Quran. Untuk tujuan tersebut, beliau meminta naskah al-Quran yang telah dibukukan pada zaman pemerintahan sayidina Abu Bakar al-Ṣiddīq r.h. yang pada waktu itu berada dalam simpanan Ummul Mu'minin Hafsa b. Umar b. al-Khaṭṭāb r.h.

Berpandukan naskah al-Quran yang lengkap itulah, khalifah 'Uthman r.h. memerintahkan Zayd b. Thābit r.h. (45 H) supaya menyalin al-Quran kepada beberapa naskah. Menurut pendapat yang kuat, Imam al-Zarkashī (794 H) menjelaskan bahawa usaha tersebut telah menghasilkan sebanyak empat naskah yang mana tiga daripadanya dihantar ke Kufah, Basrah dan Syam manakala satu naskah lagi disimpan oleh khalifah Uthman r.h. sendiri.⁴⁸

Untuk menyempurnakan lagi matlamat yang ingin dicapai disebalik tindakan berkenaan, khalifah Uthman r.h. seterusnya telah mengeluarkan arahan supaya umat Islam membakar lain-lain naskah al-Quran yang ada di tangan mereka.⁴⁹ Ini kerana umat Islam ketika itu telah memiliki pelbagai naskah al-Quran yang menjadi rujukan dan simpanan masing-masing.

⁴⁷ Ibrāhīm b. Aḥmad al-'Alī (1996), *Huzayfah ibn al-Yamān: Amīn Sirr Rasūlillah S.A.W.* Dimasyq: Dār al-Qalam, h. 74-83.

⁴⁸ Selain begitu, ada juga pendapat yang mengatakan bahawa jumlah penyalinan al-Quran pada zaman khalifah 'Uthman r.h. ialah sebanyak tujuh naskah yang mana enam daripadanya telah dihantar ke enam buah bandar iaitu Kufah, Basrah, Syam, Mekah, Yaman dan Bahrayn. Sila lihat: Muhammad b. 'Abd Allah al-Zarkashī (1994), *al-Burhān fī 'Ulūm al-Qur'ān*. j. 1, Bayrūt: Dār al-Ma'rifat, h. 240.

⁴⁹ Al-Shāṭibī (1996), *op. cit.*, j. 2, h. 82.

Tindakan di atas merupakan hasil ijtihad khalifah Uthman r.h. berasaskan *al-maṣlahah* dan *sadd al-dharā'i'*⁵⁰ yang mana ia bertujuan untuk memelihara al-Quran sebagai sumber hukum Islam yang paling asasi dan juga untuk menghalang daripada berlakunya perselisihan dan perpecahan dalam kalangan sesama umat Islam. Berhubung tindakan tersebut, sayidina Ali r.h. mengatakan:⁵¹

لَوْ وُلِّيتُ مَا وَلَّى عُثْمَانُ لَعَمِلْتُ بِالْمَصَاحِفِ مَا عَمِلَ

Sekiranya saya memegang jawatan yang disandang oleh Uthman (r.h.), pastilah saya juga akan bertindak terhadap semua mushaf (naskhah-naskhah al-Quran yang menimbulkan perselisihan) itu sama seperti tindakan yang beliau telah lakukan.

Maksudnya ialah sayidina Ali r.h. sendiri yang merupakan salah seorang tokoh *fuqahā'* sahabat yang paling agung ketika itu sangat bersetuju dengan arahan khalifah r.h. supaya umat Islam melupakan semua mushaf selain daripada mushaf yang disalin dan diedarkan secara rasmi oleh pihak kerajaan demi untuk menyatu padukan umat Islam dan supaya tidak timbul kekeliruan pada kemudian hari akibat daripada wujudnya beberapa versi al-Quran yang berbeza dari aspek penulisannya. Tanpa arahan dan tindakan sedemikian, matlamat utama yang ingin dicapai daripada usaha penyalinan al-Quran itu pastinya akan menjadi kurang berkesan atau menemui kegagalan.

4. Ijtihad Berasaskan Konsep Perubahan Masalah

Antara prinsip syariah dalam penentuan hukum ialah mengambil kira adat yang baik dan mengambil kira realiti semasa yang mana terdapat beberapa contoh hukum yang mengalami perubahan berasaskan konsep perubahan hukum menurut perubahan *maṣlahah* (تَبَدُّلُ الْأَحْكَامِ بِتَبَدُّلِ الْمَصَالِحِ).⁵²

⁵⁰ Muḥammad b. al-Ḥasan al-Hajawī (1396H), *al-Fikr al-Sāmī fī Tārīkh al-Fiqh al-Islāmi*. j. 1, al-Mādinah: al-Maktabah al-'Ilmiyyah, h. 164-165.

⁵¹ Al-Zarkashī (1994), *op. cit.*, j. 1, h. 334.

⁵² Muḥammad Muṣṭafā Shalabī (1981), *Ta'līl al-Aḥkām*. Bayrūt: Dār al-Nahḍah al-'Arabiyyah, h. 307.

Antara permasalahan yang telah diijtihadkan oleh fuqahā' sahabat r.h berasaskan konsep perubahan hukum menurut perubahan masalah ialah:

a. Konsep 'Āqilah

'Āqilah (الْعَاقِلَةُ) boleh ditakrifkan sebagai ahli keluarga, 'asabah dan kaum kerabat khasnya daripada kalangan lelaki (الْأُسْرَةُ وَالْعَصْبَةُ وَالْأَقَارِبُ مِنَ الرِّجَالِ خَاصَّةً).⁵³

Dalam kes pembunuhan tidak sengaja, al-Quran menetapkan supaya *diyāt* dibayarkan kepada keluarga mangsa sebagaimana firman Allah S.W.T:

وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ أَنْ يَقْتُلَ مُؤْمِنًا إِلَّا خَطَأً وَمَنْ قَتَلَ مُؤْمِنًا
خَطَأً فَتَحْرِيرُ رَقَبَةٍ مُؤْمِنَةٍ وَدِيَّةٌ مُسْلَمَةٌ إِلَى أَهْلِهِ إِلَّا أَنْ
يَصَّدَّقُوا (Al-Nisā' 4:92)

Dan sesiapa yang membunuh seorang mukmin dengan tidak sengaja, maka (wajiblah dia membayar kaffārah) dengan memerdekakan seorang hamba yang beriman serta membayar diyat (denda ganti nyawa) yang diserahkan kepada ahlinya (keluarga si mati) kecuali jika mereka sedekahkan (memaafkannya).

Bersesuaian dengan prinsip “tiada kesempitan” dan prinsip “mengambil kira adat masyarakat yang baik”, Rasulullah S.A.W memutuskan supaya bebanan membayar *diyāt* ditanggung bersama oleh individu yang menyebabkan berlakunya pembunuhan yang tidak disengajakan itu dan juga oleh ahli keluarga serta kaum kerabatnya yang boleh menerima bahagian 'asabah dalam hukum pusaka. Ini kerana menurut amalan masyarakat Arab pada zaman Rasulullah S.A.W, orang-orang yang menolong dan meringankan beban seseorang adalah ahli keluarganya sendiri.

Bagaimana pun, realiti tersebut telah mengalami perubahan pada zaman pemerintahan khalifah Umar r.h. Ini

⁵³ Yūsuf al-Qaraḍawī (1990), *Madkhal li Dirāsah al-Sharī'ah al-Islāmiyyah*. al-Qāhirah: Maktabah Wahbah, h. 140.

kerana sikap tolong-menolong dalam kalangan ahli keluarga telah berpindah kepada anggota-anggota tentera yang nama-nama mereka telah disenaraikan di dalam buku-buku pendaftaran khas yang dinamakan sebagai *dawāwīn* yang mana mereka sentiasa hidup bersama dalam satu-satu kumpulan yang khusus dan saling membantu dalam melakukan sesuatu kegiatan sosial dan khidmat masyarakat. Justeru, khalifah Umar r.h. memutuskan bahawa kewajipan tersebut telah berpindah kepada para anggota setiap dīwān, bukan lagi ahli keluarga sendiri.⁵⁴

b. Unta Berkeliaran Yang Tidak diketahui Siapa Tuannya
(ضَوَالُ الْإِبِلِ)

Berkenaan unta yang berkeliaran yang tidak diketahui siapa tuannya, Rasulullah S.A.W memerintahkan supaya unta berkenaan dibiarkan mencari makanan dengan sendiri sehingga ia dijumpai oleh tuannya. Ini kerana unta adalah sejenis haiwan yang dapat menyimpan bekalan air di dalam badannya serta berkemampuan pula untuk berjalan ke merata tempat dan ia mampu berdikari untuk meneruskan kehidupan dalam tempoh waktu yang panjang.⁵⁵

Punca Rasulullah S.A.W menetapkan ketentuan di atas ialah kerana unta yang hilang tidak menghadapi kemungkinan akan dicuri pada zaman baginda. Penghayatan terhadap perintah di atas telah dilaksanakan disepanjang zaman Rasulullah S.A.W, khalifah Abu Bakar r.h (13 H), khalifah Umar r.h. (23 H) dan juga diawal pemerintahan khalifah Uthman r.h. (35 H).

Bagaimanapun apabila akhlak masyarakat sudah berubah, khalifah Uthman r.h. telah memerintahkan supaya unta yang berkeliaran ditangkap untuk dihebahkan dan dijual apabila tidak dituntut oleh sesiapa, kemudian harganya akan diserahkan kepada pemiliknya yang membuat tuntutan dikemudian hari.⁵⁶

⁵⁴ Untuk keterangan lanjut, sila lihat: Yūsuf al-Qaradawī (1997), *al-Sharī'ah al-Islāmiyyah Ṣāliḥah li al-Taṭbīq fī Kull Makān wa Zamān*, c. 5, al-Qāhirah: Maktabah Wahbah, h. 115.

⁵⁵ Hadis riwayat al-Bukhārī dan Muslim. Sila rujuk: Muḥammad b. 'Alī al-Shawkānī (1998), *Nayl al-Awtar*, j. 5, Bayrūt: Dār al-Ma'rifah, h. 442.

⁵⁶ 'Alī al-Khafīf (1996), *Asbāb Ikhtilāf al-Fuqahā'*, c.2, al-Qāhirah: Dār al-Fikr al-'Arabī, h. 243 dan Abd al-Karīm Zaydan (1992), *op. cit.*, h. 104.

Berhubung kes di atas, khalifah Uthman r.h. telah menentukan hukum berasaskan perubahan '*illah* yang mana apabila realiti keamanan sudah tidak wujud, maka nas hadis di atas sudah tidak cukup syarat untuk terus direalisasikan. Dengan kata lain, ijtihad ini dibuat berasaskan prinsip (تَبْدُلُ الْأَحْكَامِ بِتَبْدُلِ الْمَصَالِحِ) yang mana ia bertujuan untuk memelihara kemaslahatan harta umat Islam daripada kecurian akibat realiti masyarakat yang sudah kurang bersifat amanah.

Bagaimana pun, pada zaman pemerintahan khalifah Ali r.h. (40 H), unta tersebut telah diperintahkan supaya dipelihara dengan pembiayaan daripada Baitulmal dan tidak dijual sehingga diketahui siapa pemiliknya. Ini kerana khalifah Ali r.h. berpendapat bahawa kemaslahatan unta dan pemiliknya lebih terjamin dengan tindakan yang sedemikian.⁵⁷ Ini sekali gus menunjukkan bahawa sesuatu hukum yang diijtihadkan berasaskan konsep perubahan hukum menurut perubahan *maṣlahah* boleh dinilai semula oleh *fuqahā'* yang lebih terkemudian.

PENUTUP

Huraian di atas menjelaskan bahawa ijtihad yang telah direalisasikan oleh *fuqahā'* sahabat r.h. pada zaman Khulafa' Rasyidin adalah merangkumi pelbagai persoalan hukum yang tidak dinaskan secara terperinci sama ada yang melibatkan cabang-cabang ibadat mahu pun hukum-hukum muamalat menurut pengertiannya yang luas yang merangkumi persoalan *munākahāt*, sosial, ekonomi, politik, kehakiman, pelaksanaan hukum-hukum jenayah dan *siyāsah shar'iyah*.⁵⁸

Dalam mengenal pasti sesuatu hukum yang tidak dinaskan secara jelas dan terperinci di dalam al-Quran dan al-Sunnah, *fuqahā'* sahabat r.h. akan merujuk kepada sebarang fakta yang tersirat dalam sesuatu nas al-Quran dan al-Sunnah atau dengan menggunakan kaedah *qiyās*. Selain itu, *fuqahā'* sahabat r.h. juga turut berijtihad dengan mengambil kira prinsip-prinsip umum dan *maqāsid al-sharī'ah*.

⁵⁷ Badrān Abū al-ʿAynayn Badrān (t.t), *op. cit*, h. 60-61.

⁵⁸ ʿUmar Sulaymān al-Ashqar (1991), *Tārīkh al-Fiqh al-Islāmī*, c. 3, Bayrūt: Dār al-Nafā'is, h. 20-21.

Berkenaan *ikhtilāf* yang berlaku dalam kalangan *fuqahā'* sahabat, boleh dirumuskan bahawa ia berpunca daripada penggunaan hujah dan metodologi ijtihad yang berbeza yang mana *fuqahā' mujtahidīn* telah menjadikannya sebagai pedoman dalam pembinaan pelbagai mazhab fiqh yang muktabar. Sehubungan itu, masyarakat Islam dewasa ini perlu membuang sikap prejudis terhadap fenomena perbezaan pendapat dalam kalangan *fuqahā' mujtahidīn* kerana ijtihad mereka adalah berpaksikan kepada tradisi keilmuan, ketaqwaan dan metodologi ijtihad yang mantap dan sistematik.